



SAINS PERHUTANAN

Oleh Hani Nabilia Muhd Sahimi dan Marina Mohd. Top @ Mohd. Tah

Taman Negara Similajau merupakan sebuah khazanah alam yang amat bernilai dan berkeluasan 8996 hektar dan sangat sesuai dikunjungi pada musim kering antara bulan Februari hingga Oktober. Taman negara ini terletak di bahagian utara pesisir pantai Bintulu, Sarawak. Bagi pencinta alam, Taman Negara Similajau merupakan sebuah kawasan yang dekat dengan hati mereka kerana kaya dengan kepelbagaian flora dan fauna.



Serangga ranting Borneo atau *Haaniella echinata* banyak ditemukan di kawasan hutan kerangas di Taman Negara Similajau.

Keunikan topografi yang meliputi pelbagai jenis hutan, seperti hutan pesisir pantai, hutan paya bakau, hutan kerangas dan hutan dipterokarpa campuran menjadikan Taman Negara Similajau sebagai destinasi utama untuk dikunjungi. Taman Negara Similajau ini sering dipilih sebagai destinasi pelancong, penyelidik dan pemerhati hidupan liar, seperti burung, mamalia kecil, reptilia, amfibia, serangga dan hidupan marin.


Sama ada waktu siang atau malam, pengunjung dapat melihat kehadiran pelbagai spesies haiwan yang mendiami taman negara ini. Namun begitu, kewujudan haiwan nokturnal,



Heteropoda hosei, sejenis spesies Arachnida yang sedang membawa kantung telur ditemukan di kawasan berbatu di tepi sungai kecil.

iaitu haiwan yang aktif pada waktu malam kurang diberi perhatian. Malah, maklumat tentang haiwan ini kurang didedahkan kepada masyarakat umum. Ciri haiwan nokturnal berbeza daripada

Khazanah Malam Taman Negara Similajau



Walau bagaimanapun, pemerhatian yang dilakukan di sepanjang sungai kecil di Taman Negara Similajau secara berkala oleh sekumpulan penyelidik hidupan liar dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Kampus Bintulu, Sarawak memberikan satu petanda positif tentang kehadiran haiwan nokturnal ini. Antara haiwan nokturnal yang dapat ditemukan di sekitar Taman Negara Similajau termasuklah haiwan daripada kategori serangga, mamalia kecil, amfibia, reptilia dan hidupan air tawar.

Ada pelbagai spesies haiwan nokturnal yang dapat ditemukan di Taman Negara Similajau. Satu daripadanya ialah kepelbagaian spesies serangga yang dapat dilihat dengan jelas di kawasan hutan kerangas dan kawasan hutan dipterokarpa campuran. Saiz serangga yang



Mentadak yang berupa daun mati (*Deroplatys desiccata*) memegunkan diri apabila dihampiri.

ditemukan di kawasan ini lebih besar, jika dibandingkan dengan kawasan lain, seperti di hutan pesisir pantai. Antara serangga yang dapat ditemukan termasuklah mentadak dan serangga ranting.

Selain itu, haiwan reptilia, seperti ular dan mengkarung juga dapat ditemukan di kawasan hutan kerangas. Haiwan amfibia, seperti katak dilihat mendominasi kawasan sungai kecil di hutan kerangas. Hidupan air yang dapat ditemukan di sepanjang aliran sungai pula ialah beberapa spesies ikan kecil dan udang yang menjadikan kawasan ini sebagai habitatnya.

Tidak ketinggalan, ada beberapa spesies mamalia kecil, seperti tikus hutan yang berjaya ditemukan. Mamalia kecil ini memegunkan diri sebagai reaksi tindak balas terhadap suluhan cahaya lampu. Pelbagai spesies Arachnida, iaitu daripada keluarga labah-labah yang sering ditemukan di sekitar hutan di Taman Negara Similajau ini juga

haiwan diurnal, iaitu haiwan yang lebih mudah ditemukan pada waktu siang.

Haiwan nokturnal ialah sejenis haiwan unik yang bergerak aktif, mencari makanan dan berinteraksi antara satu dengan lain pada waktu malam. Perilaku haiwan ini juga berbeza-beza kerana berehat dan tidur waktu siang.

Di samping itu, haiwan nokturnal mempunyai deria pendengaran, penglihatan dan bau yang sangat tajam. Deria ini membantunya mengesan mangsa. Cabaran bagi seorang ahli konservasi adalah untuk melakukan pemerhatian terhadap haiwan nokturnal di habitat asalnya. Malah, peratus penemuan haiwan ini rendah disebabkan oleh pelbagai faktor, seperti sekitaran dan penglihatan yang terhad.



Tikus *Maxomys whiteheadi* kelihatan di atas dahan kecil sebatang pokok berhampiran dengan laluan anak sungai.





Seekor katak, *Limnonectis cf. kuhlii* yang hampir tidak kelihatan dalam sekitaran habitatnya.

mempamerkan ciri unik sebagai satu daripada cara untuk beradaptasi dengan sekitaran habitatnya.

Haiwan nokturnal ialah penstabil ekologi. Hal ini bermakna, peranan haiwan malam sama dengan peranan haiwan diurnal. Seperti haiwan lain yang aktif pada waktu siang, haiwan nokturnal juga berperanan dalam rantai makanan bagi suatu ekosistem.

Hakikatnya, haiwan nokturnal bertanggungjawab dalam kestabilan


ekosistem setempat. Dalam siratan makanan, haiwan nokturnal dapat menjadi mangsa dan pemangsa di sesebuah kawasan bagi membolehkan siratan makanan berterusan. Haiwan nokturnal juga dapat menjadi pengukur bagi tahap kesihatan sekitaran sesebuah hutan.

Makin banyak haiwan nokturnal yang mendiami sesebuah kawasan, makin baik keadaan sekitaran itu. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan hutan yang ideal menarik minat haiwan untuk mendiaminya. Interaksi haiwan ini dengan sekitarnya juga dapat dilihat dengan jelas, terutamanya berhampiran dengan tebing sungai dan di hutan semula jadi yang menjadi tumpuan haiwan nokturnal, khususnya untuk mencari makanan, pasangan dan tempat perlindungan.

Usaha dan cabaran dalam melaksanakan kajian terhadap haiwan nokturnal lebih besar berbanding

dengan haiwan diurnal pada waktu malam. Dengan kadar cahaya yang kurang berbanding dengan waktu siang, haiwan nokturnal sukar ditemukan bagi tujuan pemerhatian dan penyelidikan. Malah, lebih banyak masa diperlukan bagi mengenal pasti habitatnya, di samping pelbagai masalah teknikal, seperti pencahayaan dan pergerakan yang terhad.


Walau apa-apa pun masalah yang dihadapi, hasil kajian ini amat penting bagi menyediakan maklumat demi konservasi dan perlindungan terhadap haiwan nokturnal dan habitatnya. Khazanah malam, seperti di Taman Negara Similajau adalah sangat bernilai sebagai penghuni rimba dan penstabil



Suasana pada waktu malam di satu laluan sungai kecil di hutan kerangas, Taman Negara Similajau.



Mengkarung air (*Tropidophorus micropus*) yang berada di atas permukaan sehelai daun ditemukan berdekatan dengan anak sungai.

ekosistem. Oleh sebab itu, khazanah malam ini perlu dilindungi bukan sahaja di kawasan yang dilindungi, seperti di taman negara, malah di sekitaran yang lain. Khazanah alam ini merupakan tanggungjawab bersama. 

Penulis Pensyarah Jabatan Sains Perhutanan, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu Sarawak.

